

mode

Hazilah tidak jemu tabur bakti

Buka pusat dialisis untuk golongan kurang berkemampuan

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA
maria.zakaria@utusan.com.my

PENGALAMAN selama 16 tahun dalam bidang perubatan menjadi 'guru' terbaik untuk Hazilah Md. Sani, 38, terus berbakti kepada masyarakat terutama golongan kurang berkemampuan.

Sepanjang tempoh itu, jururawat kelahiran Muar, Johor itu, tidak pernah terfikir untuk berhenti menghulur bantuan membantu selagi terdaya biarpun sudah tidak berkhidmat di mana-mana hospital lagi.

Terkini, ibu kepada tiga orang cahaya mata ini menabur bakti di Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd., dilihat memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha membantu meningkatkan kesihatan serta kesejahteraan masyarakat melalui penyediaan rawatan dialisis yang berkualiti.

Berbicara lebih lanjut mengenai pembabitannya di dalam bidang tersebut, menurut Hazilah, pusat dialisis tersebut yang mula beroperasi sejak 1 Jun 2007 hanya bermula dengan lima buah mesin.

"Ini bukanlah satu pekerjaan baharu

buat saya kerana sebelum ini pun saya menguruskan pesakit-pesakit buah pinggang menjalankan rawatan dialisis di hospital.

"Saya berharap pembukaan pusat tersebut mampu memberikan kelegaan buat pesakit-pesakit buah pinggang. Saya tidak mengharapkan sebarang keuntungan daripada perniagaan yang diusahakan, memadai dapat meringankan beban pesakit-pesakit yang menjalani rawatan dialisis di sini." Katanya yang juga pemilik pusat dialisis tersebut.

Dia menjelaskan, pusat dialisis tersebut memperoleh lesen daripada Kementerian Kesihatan dan boleh menampung seramai 48 pesakit untuk satu hari.

Dibuka seawal pukul 6.30 pagi hingga pukul 10 malam setiap hari, sesiapa sahaja boleh mengunjungi pusat tersebut untuk melakukan dialisis.

"Alhamdulillah, ketika ini kami telah mempunyai 16 mesin hemodialisis dengan dibantu 20 pekerja yang terdiri daripada jururawat terlatih dan pembantu.

"Di sini kami menjalankan kerjasama

dengan badan-badan berkanun dan agensi kerajaan. Kesemua pesakit yang mendapatkan rawatan di sini dibiayai oleh panel tertentu antaranya Lembaga Zakat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso)," ujarnya Hazilah ketika ditemui di pusat dialisisnya di Jalan BPP 5/1, Pusat Bandar Putra Permai, Seri Kembangan, Selangor.

Sentiasa mengutamakan kebajikan pesakit yang mendapatkan, pusat tersebut juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk mengambil serta menghantar pesakit yang tidak berupaya dengan menggunakan tiga buah kereta dan sebuah van yang dimilikinya.

Menurut Hazilah, pusat dialisis tersebut merupakan cawangan kedua selepas pembukaan pusat yang sama di Lestari Perdana, Seri Kembangan, Serdang, beberapa tahun lalu.

Katanya, pembukaan cawangan kedua itu disebabkan permintaan yang tinggi dalam kalangan pesakit untuk mendapatkan rawatan tersebut

membuatkan dirinya terfikir untuk membuka sebuah lagi pusat dialisis untuk menampung jumlah pesakit yang semakin bertambah.

Berbicara lebih lanjut mengenai kakitangan yang bekerja di situ, ulas Hazilah, kesemua kakitangannya merupakan mereka yang terlatih dan berpengalaman, yang mana setiap seorang jururawat dihadkan kepada tiga orang pesakit dalam satu giliran.

Ini katanya, bertujuan menjaga kualiti perkhidmatan yang diberikan.

Dalam pada itu, Hazilah turut bekerjasama dengan pakar nefrologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Christopher Lim Thiam Seong yang akan memantau keadaan pesakit seminggu sekali dan dia sendiri akan berada di pusat tersebut setiap hari kecuali Sabtu.

Dia juga merancang untuk menambah mesin hemodialisis menjadikan 21 buah pada tahun hadapan bagi menampung lebih ramai pesakit yang jumlahnya semakin meningkat setiap tahun.

Selain itu, dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik buat pesakit-pesakit buah pinggang, pihaknya turut mengunjungi rumah pesakit-pesakit buah pinggang yang tidak kronik sebanyak empat kali sebulan.


Dalam kunjungan tersebut, pihaknya akan memberikan kaunseling dan pemeriksaan kesihatan serta suntikan ubat untuk menambah darah.

"Untuk kunjungan ke rumah ini, nama pesakit yang diterima daripada pihak hospital dan mereka ini merupakan pesakit buah pinggang yang tidak kronik.

"Apa yang kami lakukan apabila setiap kali kunjungan ialah membuat pemeriksaan kesihatan, memberikan suntikan ubat erythro poetin (EPO) untuk tambah sel darah merah, dan kaunseling baik dari segi pemakanan mahupun rutin kehidupan harian.

"Yang pasti, segala usaha yang dilakukan ini adalah dengan satu tujuan iaitu untuk membantu mana-mana pesakit buah pinggang yang memerlukan pertolongan," katanya.

Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron Sdn. Bhd., boleh dihubungi melalui talian 03-89404489 atau hubungi Hazilah sendiri, 013-3407535.



PESAKIT sedang membuat dialisis dengan pemantauan kakitangan terlatih.



HASILAH MD. SANI



DR. CHRISTOPHER LIM THIAM SEONG (lapan dari kanan) dan Hazilah Md. Sani (enam dari kanan) bergambar bersama kakitangan Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron di Seri Kembangan, Serdang, Selangor.

Gambar FAISOL MUSTAFA